

# Pulihara terumbu karang

**Penyelam perlu mainkan peranan pulihara hidupan di dasar laut**

NURUL ZAILA  
MOHD TAHIR

DUNGUN

**P**enyelam dilihat memainkan peranan penting dalam membantu kerajaan ke arah memastikan pemuliharaan terumbu karang serta flora dan fauna di dasar laut.

Setiausaha Majlis Perbandaran Dungun (MPD), Fadli Yusof berkata, menyedari kepentingan golongan tersebut, pihaknya menganjurkan program restorasi terumbu karang di Pulau Tenggol melibatkan khidmat penyelam dari seluruh Malaysia untuk menyemai pembiakan terumbu karang.

Menurutnya, kerajaan turut mengeluarkan peruntukan besar untuk tujuan pemuliharaan di dasar laut dengan membina tukun, kerangka

polivinil klorida (PVC), tukun kapal, konkrit dan bebola karang (reef ball) sebagai tempat pembiakan karang.

"Setiap tahun, ramai di kalangan pelancong melawat pulau kita di seluruh negara akibat tertarik dengan keindahan terumbu karang. Sekiranya karang tidak dijaga dengan baik ia akan merugikan negara.

"Sokongan semua pihak terutama penyelam amat diperlukan untuk menjayakan usaha ini," katanya ketika merasmikan program tersebut sempena Ulang Tahun Ke-10 MPD, di Pulau Tenggol.

Beliau berkata, tempat pembiakan karang akan dijadikan sebagai projek anak angkat supaya khazanah itu dapat dijaga dengan lebih baik dan pemuliharaannya dilaksanakan untuk tempoh yang panjang dan berterusan.

"Melalui kaedah itu, terumbu karang yang disemai dapat dijaga penyelam dalam usaha memulihara dan mencambahkan tumbesaran karang.

"Kawasan terumbu karang di negara ini termasuk Terengganu merupakan tempat pembiakan ikan berkualiti yang mampu menjana ekonomi

## info

**MPD anjur program di Pulau Tenggol melibatkan khidmat penyelam untuk semai pembiakan terumbu karang.**

serta penyumbang jaminan bekalan makanan negara.

"Punca utama termasuk ancaman aktiviti semula jadi dan aktiviti manusia menyumbang kepada 55 peratus kemusnahan karang dunia," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Taman Laut Malaysia Terengganu, Muhammad Nur Ashry Bassari berkata, sepanjang tahun ini, sebanyak 22 bidang pukut ditemui dibuang nelayan ke laut yang boleh menyumbang kerosakan karang di negeri ini.

Jelasnya, usaha membuang pukut dilakukan kerana pukut yang memenuhi sekeliling terumbu boleh membunuh hidupan laut.

"Kita terpaksa mengangkat pukut yang berat untuk dibawa naik ke daratan dan kesemua kes terbabit berlaku di sekitar kawasan batu karang di Pulau



Fadli (kiri) bersama kakitangan MPD, Jabatan Taman Laut Malaysia dan penyelam menyempurnakan simbolik perasmian dengan menurunkan PVC untuk dibawa ke dasar laut.

Redang, Perhentian, Tenggol dan Kapas.

"Sekiranya kita membiarkan pukut itu, ia bukan sahaja merosakkan batu karang malah boleh membunuh hidupan marin lain.

"Selain pukut nelayan tempatan, turut dikesan pukut dari nelayan asing," katanya.

Sempena program itu, MPD turut menyerahkan 10 buah kerangka PVC sebelum



Benih terumbu karang yang akan disemai untuk tujuan pembiakan.

dibawa ke dasar laut oleh 30 penyelam termasuk dari Jabatan Taman Laut Malaysia Terengganu, Pejabat Setiausaha

Kerajaan Negeri Terengganu serta Syarikat Tenggol Island Resort.